

NO. SOALAN: 393

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

RUJUKAN : 9454

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah mereka yang telah ditangkap atas kesalahan penglibatan dengan DAESH dan apakah latar belakang pendidikan mereka yang terlibat dalam kumpulan ini.

259
~~245~~

JAWAPAN:

Memerangi kegiatan militan Daesh merupakan matlamat paling utama dan jelas oleh Malaysia. Komitmen Malaysia ke arah melumpuhkan sepenuhnya rangkaian kegiatan keganasan yang berselindung di sebalik perjuangan jihad turut diperkasakan melalui strategi komprehensif. Usaha berterusan Kerajaan dalam memerangi keganasan telah dibuktikan melalui penahanan seramai 255 orang pengganas bagi tempoh 2013 hingga 7 Oktober 2016.

Daripada jumlah tersebut, seramai 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, 36 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, 13 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015, 21 orang warga asing telah diusir dari Malaysia dan seramai 64 orang telah dibebaskan.

Rekod penahanan ini jelas membuktikan komitmen tinggi Kerajaan dalam usaha membanteras kegiatan kumpulan pengganas dari terus berleluasa demi memelihara kedaulatan negara dan keselamatan Malaysia secara umumnya. Kesemua tangkapan ini merangkumi pelbagai latar belakang pendidikan termasuk yang berpendidikan tinggi.